

MALAM NOSTALGIA P. RAMLEE

...inspirasi mahasiswa UPM dan insan seni

Oleh: AHMAD FUA'AD ALWI



PARA pemenang malam Nostalgia P. Ramlee bersama hadiah masing-masing

ALLAHYARHAM Tan Sri P. Ramlee adalah satu nama yang besar dalam dunia seni tanahair. Setelah 28 tahun pemergianya, tokoh seniman tersebut sekali lagi diberi penghormatan oleh generasi muda khususnya golongan mahasiswa.

Unit Kebudayaan dan rakan muda IPTA, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Pertandingan Malam Nostalgia P. Ramlee.

Pertandingan yang diadakan pada 17 Jun 2001 bertempat di Panggung Percubaan UPM bertujuan untuk memperkaya dan mengembangkan seni tanahair khususnya seni perfileman dan muzik yang banyak diketengahkan oleh Allahyarham dalam hasil karya beliau.

Penghormatan seperti ini bukanlah sesuatu yang keterlaluan atau untuk memuja seniman tersebut, tetapi untuk mengajak masyarakat terutama generasi muda khususnya pelajar IPTA agar dapat berkongsi dan menghayati perjuangan insan seni seperti P. Ramlee.

Perjuangan beliau bukan sahaja untuk kesenian bangsa malahan turut sama menyimpan mesej perjuangan kehidupan masyarakat didalam setiap karya dihasilkan.

Pertandingan tersebut telah dihadiri oleh beberapa rakan seni allahyarham yang terdiri daripada pelakon dan pelawak terkenal diantaranya Aziz Sattar, Dato' Ahmad Daud dan pencipta lagu yang tidak asing lagi Dato' Ahmad Nawab.

Beberapa buah lagu dendangan dan ciptaan allahyarham telah dipertandingkan pada malam tersebut. Seramai lapan peserta yang terdiri daripada para pelajar UPM menyertai pertandingan lagu-lagu

P. Ramlee.


Azwan Ibrahim dari Kolej Keempatbelas telah muncul johan diikuti Razid Sahran kedua dan Nurhaili Kamsan tempat ketiga.

Manakala persembahan terbaik dimenangi oleh pasangan Kamaruzaman Mohamad dan Aida Kamrin kedua-duanya dari Kolej Kesepuluh.

Kehadiran Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia Y.B. Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamad, dan Ketua Pengarah Arkib Negara, Y. Bhg. Dato' Habibah Zon telah menyerikan lagi malam tersebut.

Para pengunjung yang hadir tidak lena apabila dua tetamu jempunan turut mendendangkan lagu seniman agung negara itu. Dr Suleiman dan Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof. Madya Dr Idris seolah rasa terpanggil untuk menghiburkan kira-kira 300 penonton.

Dato' Ahmad Nawab pula telah memukau para hadirin dengan tiupan saksofon ajaibnya



JOHAN...Azwan Ibrahim bersama piala yang dimenangnya.



Tn. Hj. Aziz Sattar diringi Aris Fadhillah antara tetamu jempunan yang hadir memeriahkan pertandingan

memperdengarkan dua buah lagu *Jeritan Batinku* dan *Getaran Jiwa* dan Jabir Tarmizi dari Pusat Kebudayaan Dan Kesenian Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah juga berkesempatan mendendangkan sebuah lagu.

Adalah diharapkan bahawa majlis seperti ini akan menjadi inspirasi kepada mahasiswa UPM dan semua insan seni untuk terus berjuang memartabatkan warisan budaya dan masyarakat untuk mencintai kesenian Melayu dan mengenang tokoh-tokoh seni yang berjuang umpama lilin.



TIUPAN "Sax" Dato' Ahmad Nawab masih menyengat



TERBAIK...persembahan oleh Kamaruzaman dan Aida berjaya memikat juri



PIKAT...salah satu aksi menarik para peserta di malam pertandingan



Dr. Suleiman Mohamed mendendangkan lagu nyanyian Allahyarham Tan Sri P. Ramlee